

Newspaper	Sinar Harian
Date	11/3/2012

Anwar tak terlibat isu Exco Kedah: Azmin

Sinar Harian - 11/3/2012

**KHAIRIL ANWAR MOHD
AMIN & ROSLINDA HASHIM**

KANGAR - Isu kemelut pentadbiran Kerajaan Kedah di antara Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Azizan Abdul Razak dan dua Exco Kerajaan Negeri, Datuk Ir Phahrolrazi Zawawi dan Dr Ismail Salleh baru-baru ini, tidak pernah melibatkan pengaruh Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim, seperti yang didakwa Umno dan Barisan Nasional (BN).

Timbalan Presiden PKR, Azmin Ali berkata, Anwar dan kepimpinan PKR Pusat amat menghormati kepimpinan Kerajaan Negeri di bawah pen-

tadbiran Azizan dan fitnah kononnya Anwar merancang penggulingan Pesuruhjaya Pas Kedah itu untuk memecah perpaduan PKR dan Pas.

Menurutnya, Anwar, dirinya dan beberapa pimpinan kanan PKR mengadakan kunjungan hormat terhadap Azizan di kediaman rasminya di Alor Setar pagi kelmarin, bagi mendapatkan penjelasan berhubung kemelut isu yang melanda pentadbiran negeri itu, baru-baru ini.

"Dalam perjumpaan itu, Anwar dan Azizan saling bertukar pandangan dalam membincangkan hal politik dan ekonomi semasa tanpa sebarang perselisihan faham.



AZMIN

"Persoalannya, mengapa mesti Anwar dilibatkan dalam semua krisis dalaman PR?" katanya kepada *Sinar Harian* di sini, malam kelmarin.

Azmin turut menyifatkan senario politik tempatan kini

kembali memihak kepada PR di atas kebijaksanaan Pas dalam menyelesaikan kemelut pentadbiran Kerajaan Kedah, selain menyebabkan Umno dan BN kembali mati akal.

Menurutnya, usaha jahat Umno dan BN untuk melagakan parti-parti di dalam PR bukan sahaja gagal, malah mereka semakin terdesak untuk mendapatkan sokongan rakyat susulan kejayaan Pas dalam menyelesaikan isu dalaman mereka.

"Bagi Umno, kejayaan Pas selesai isu dalaman mereka dengan berhemah tanpa jejas mana-mana pemimpin suatu perkara baru yang tidak berlaku dalam parti itu," katanya.